

23/04/1997

Sidang video terbesar pernah diadakan

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghabiskan masa kira-kira dua jam memberi penjelasan kepada rakyat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam sesi sidang video terbesar pernah diadakan di negara ini.

Sidang video menelan belanja kira-kira RM3 juta tajaan Telekom Malaysia itu dibuat dari sebuah bilik mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk membolehkan Dr Mahathir bercakap kepada kira-kira 13,000 peserta yang berada di 28 lokasi terpilih di seluruh negara.

Beliau menjelaskan matlamat dan manfaat projek itu serta menjawab pertanyaan daripada pelbagai lapisan masyarakat dari pelajar sekolah, ketua kampung, guru sehingga golongan profesional, akademik, pegawai kanan kerajaan dan usahawan.

Turut serta dalam sidang video itu Ketua Menteri dan Menteri Besar. Sidang video itu dipengerusikan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Seramai 14 orang daripada peserta yang mempunyai pelbagai latar belakang mengemukakan pertanyaan kepada Perdana Menteri mengenai MSC.

Peserta mengemukakan pertanyaan meliputi daripada bagaimana kerajaan mahu menyekat unsur-unsur negatif dalam penggunaan MSC sehingga kepada bagaimana industri yang berada di luar kawasan MSC dapat mendapat manfaat daripada projek bernilai berbilion ringgit itu.

Dialog sidang video yang pertama dan terbesar di negara ini adalah antara komitmen serius kerajaan untuk memaksimum penggunaan IT terutama multimedia yang menjadi fokus utama pembangunan MSC.

(END)